



TULIS...Dr Muszaphar mengisi borang soal selidik, semalam.

>Ikrar Rukun Negara berkumandang di angkasa

H. Metro M/S 18 17.10.07
MOSCOW: Ikrar Rukun Negara berkumandang di angkasa lepas buat kali pertama dalam sejarah apabila angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha yang berbaju batik melaungkannya di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), malam tadi.

Acara itu adalah sebahagian daripada program simbolik yang dirangka sebagai tanda kenangan rakyat Malaysia sudah berada di angkasa lepas.

Selain baju batik, barangan simbolik lain yang dibawa ke ISS ialah Jalur Gemilang, sampul surat, lencana Program Angkasawan Negara dan pakaian khas angkasa lepas 'Sukul' yang dipakai Dr Muszaphar akan dicap dengan tanda ISS sebelum dibawa pulang ke bumi nanti dan dipamerkan di Planetarium Negara untuk tontonan umum.

Penyelaras kajian saintifik di ISS, Prof Dr A Rahman Jamal, berkata Dr Muszaphar akan mengambil gambar dan video ketika melakukan perkara simbolik membabitkan 14 barangan berkenaan untuk manfaat semua rakyat.

"Jadualnya (angkasawan) di ISS memang ketat, tetapi beliau dapat melakukan dengan sempurna terutama menyelesaikan kajian saintifik hingga membanggakan saintis Russia dan Amerika Syarikat," katanya dalam sesi taklimat mengenai aktiviti harian Dr Muszaphar di sini, semalam.

Katanya, saintis Agensi Angkasa Russia (Roscosmos) dan Nasa serta kru lain di ISS teruja kerana angkasawan negara faham sepenuhnya keseluruhan proses uji kaji penyelidikan yang perlu dijalankan di ISS, tambahan pula proses uji kaji berkenaan bukan mudah.